



TIRAI LENS  
 AQMAR MUSTAZA • FOTO: TV3 & KHALID NAZRI



Respons

positif Khalid Nazri puas hati



**B**iarpun tanpa pelakon dan slot terkenal, namun ia tidak menghalang pengarah, Khalid Nazri untuk tampil dengan karya istimewa.

Menurut Khalid, menghampiri pengakhiran drama *Inikah Cinta* yang dijayakan oleh Niezam Zaidi dan Farah Nabila sebagai pelakon utama, mereka mendapat respons positif penonton. Drama terbitan Unitama Management Holdings Sdn Bhd ini disiarkan setiap Jumaat hingga Ahad jam 6.50 petang di slot Dahlia, TV3.

Alhamdulillah, biarpun ia sebuah drama kecil sebanyak 14 episod, namun respons yang saya terima menerusi laman sosial, rata-rata memberi komen positif.

"Saya percaya, kekuatan sesebuah drama itu tidak terikat kepada pelakon dan slot sahaja, tetapi jalan cerita juga memainkan peranan," ujarnya.

Khalid berkata, pembikinan *Inikah Cinta* dibuat sempena tahun melawat **Universiti Utara Malaysia (UUM)**.

Mengambil inspirasi dari beberapa drama dan filem yang mengangkat tema pelajar universiti, "Drama ini menjalani 90 peratus penggambaran di UUM dan 10 peratus lagi di luar kampus."

"Kami menjalani penggambaran selama hampir 50 hari dan banyak mengeteghkan kehidupan pelajar di universiti."

"Biarpun judulnya seperti sebuah kisah percintaan, namun sebenarnya ia membawa penonton mengimbau zaman semasa belajar di pusat pengajian tinggi dan memberi 'pengalaman' buat mereka yang tidak berkesempatan menjejakkan kaki ke universiti, merasai sendiri suasana universiti," jelasnya.

Selain Niezam dan Farah Nabila, drama ini dijayakan pelakon seperti Aweera, Fizz Fairuz, Syaima Aida, Zee Zainal, Jasmin Hamid, Kazar Saizi, Acpo, Fatin Amyrah, Aznah Hamid dan Syazliana Shuhaimi.

Drama bersiri genre romantik komedi ini mengisahkan kehidupan Muammar (Niezam) yang baru melangkah ke alam universiti tidak sabar menjalani kehidupannya sebagai mahasiswa.

Dalam masa sama, dia tidak sabar mendaftarkan diri untuk Kelab Fotografi kerana dia baru sahaja

membeli kamera DSLR. Muammar jatuh hati kepada pengeri Kelab Fotografi yang baru diantik, Rose Adaline (Farah Nabila). Dalam beberapa tugasan diberikan, Muammar sentiasa cuba mencuri hati Rose namun perasaannya tidak dilayan.

Rose sebenarnya terlalu fokus untuk menghasilkan formula baharu untuk mencipta minyak wangi yang memerlukan pelbagai ekstrak spesies bunga.

Suatu hari, Muammar menyatakan perasaan cintanya kepada Rose. Rose merasakan Muammar mungkin ingin mempermainkannya. Namun bagi memastikan niat Muammar, Rose memberikan cabaran bagi mendapatkan pelbagai spesies bunga yang diperlukannya.

Rose juga rasa terhimpit kerana ibunya, Dr Dahlia (Jasmin Hamid) berusaha merukarkan pengajian Rose ke Dublin.

**Kerjasama sepasukan**

Mengimbau kembali mengenai pembikinan *Inikah Cinta*, Khalid berkata, dia tidak berdepan sebarang masalah besar sepanjang menyelesaikan drama ini.

"Tidak dinafikan bekerjasama dengan pelakon baharu dan pelakon yang pertama kali bergandingan memberi cabaran kepada pengarah untuk membentuk lakonan mereka."

"Tapi saya beruntung kerana mendapat pelakon yang profesional dan mudah bekerjasama."

"Jadi biasanya sebelum memulakan penggambaran, saya akan ajak mereka berbincang. Bila dah selesa baru saya mulakan penggambaran," katanya.

Tambah Khalid, apa yang diharapkan penonton dapat memahami dan suka dengan jalan cerita yang disampaikan.